

05/08/1997

Denda RM500 jika buang sampah merata-rata

KUALA LUMPUR, Isnin - Mereka yang membuang sampah di merata tempat di sekitar ibu kota akan dikenakan denda maksimum RM500, kata Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Noordin Razak.

Menurutnya, denda maksimum itu akan dikenakan ke atas semua kesalahan membuang sampah. Walaupun peruntukan itu sudah ada, hanya kesalahan berat seperti membuang sampah dari atas bangunan dikenakan denda maksimum.

"Serentak itu, DBKL akan meningkatkan penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ini. Bagaimanapun, jika orang ramai masih belum mengubah sikap, tiada gunanya penguatkuasaan," katanya kepada pemberita selepas sidang akhbar Pertandingan Tarik Tali Kebangsaan Sempena Hari Kebangsaan ke-40 hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang membidas tabiat penduduk suka membuang sampah sehingga mencemar imej negara.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Alam Flora, Mohammad Siraj Abdul Razak sependapat dengan Perdana Menteri bahawa orang ramai perlu mengubah sikap bagi menangani masalah pembuangan sampah merata-rata di ibu kota.

Setakat ini, katanya, Alam Flora tidak menghadapi sebarang masalah dalam menyediakan perkhidmatan membuang sampah kerana mempunyai bilangan tong sampah dan pekerja yang cukup.

Menurutnya, kajian yang dijalankan syarikat itu hari ini mendapati sekitar kawasan Jalan Bukit Bintang saja mempunyai 34 tong sampah bagi memudahkan orang ramai untuk membuang sampah.

Siraj berkata, operasi pembersihan sampah di ibu kota biasanya bermula sejak jam 6.30 pagi dan berakhir kira-kira jam 2 petang. Di kawasan pasar malam, pembersihan dijalankan pada waktu malam.

Tinjauan Berita Harian di beberapa pusat beli belah di Bukit Bintang dan Bangsar mendapati masalah sampah-sarap terkawal.

(END)